

Tidak wujud pertelingkahan antara saya dan Dr. M - Anwar

UM - 8/1/2019 m/s: 3

KUALA LUMPUR 7 Jan. - Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengulangi penegean bahawa tidak wujud sebarang pertelingkahan antara beliau dan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung soal peralihan kuasa.

Ahli Parlimen Port Dickson itu memberitahu, mereka telah bersetuju mengenai proses dan transisi peralihan kuasa itu serta turut dimuafakati di peringkat Pakatan Harapan (PH).

"Saya sedar pelbagai andaian dibuat berkenaan soal peralihan kuasa yang dilaporkan media perdana dan media sosial dengan mengandai-kan wujudnya pertembungan dalam kalangan pimpinan.

"Saya ingin mengulangi tidak wujud sebarang pertelingkahan antara saya dan Dr. Mahathir tentang soal peralihan kuasa. Sejurus pertemuan saya bersama Dr. Mahathir pada Rabu lalu juga, saya mengulangi pendirian bahawa beliau wajar diberi ruang dan dukungan untuk mengemudi kerajaan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mengulas lanjut, Anwar me-

nyokong kenyataan Perdana Menteri bahawa kerajaan PH merupakan kerajaan yang kuat.

Kata beliau, kepemimpinan PH harus kekal fokus terhadap isu meringankan beban rakyat, menyegerakan reformasi institusi dan mengheret mereka yang menyeleweng dana awam ke muka pengadilan.

"Kerajaan sedang berusaha memenuhi janji-janji kepada rakyat Malaysia dan kerajaan ini adalah kerajaan yang mewakili semua rakyat rentas kaum dan agama, menolak sebarang bentuk prejudis serta ancaman

mengganggu gugat ketenteraman awam," ujarnya.

Kata beliau, cabaran akan datang memerlukan kerjasama kuat semua pihak dalam PH.

"Kita juga menyedari wujudnya watak-watak yang ingin melihat kita gagal. Sehubungan itu, saya menggesa pimpinan untuk berwaspada dengan pemuka-pemuka ini yang lebih senang dengan budaya kronisme, dan cubaan mereka untuk menimbun harta kekayaan, mengabaikan keadilan dan kebajikan rakyat," katanya.



ANWAR IBRAHIM